

Received	22 June 2024	Accepted	23 June 2024
Revised	30 June 2024	Published	1 December 2024
Volume	5, December 2024	Pages	11-24
http://doi.org/			
To cite: Iqbal Hamdan & Lily Hanefarezan Asbullah. 2024. Analisis perbandingan laras bahasa Arab dalam bidang teknologi antara Portal Sky News Arabia dan BBC Arabic News. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 5 (December 2024): 11-24. DOI: http://doi.org/			

Analisis Perbandingan Laras Bahasa Arab dalam Bidang Teknologi antara Portal Sky News Arabia dan BBC Arabic News

Comparative Analysis of Arabic Register in the Field of Technology between Sky News Arabia and BBC Arabic News Portals

Iqbal Hamdan¹ & Lily Hanefarezan Asbullah²

Abstrak

Teknologi sering digunakan manusia pada zaman kini. Penggunaannya mencakupi semua bidang seperti teknologi, kejuruteraan dan bahasa. Penggunaan bahasa Arab dalam teknologi dilihat agak signifikan dalam dunia yang sedang membangun ini. Kajian ini merupakan kajian korpus yang menggunakan Sketch Engine sebagai medium analisis serta menggunakan sumber dari Arabic Skynews and Arabic BBC News untuk pengumpulan perkataan. Hasil dari kajian ini mendapati bahawa Lima kata nama yang sering digunakan ialah نظام, عام, ذكاء, شركة dan مستخدم. Manakala dari aspek kata kerja pula perkataan seperti اعتقد, استخدم, أضاف, قال dan بدأ sering digunakan.

Kata kunci: teknologi, korpus, setch engine, kata nama, kata kerja.

Abstract

Technology is frequently utilized by humans in the modern era, encompassing various fields such as technology, engineering, and language. The use of Arabic in technology is deemed quite significant in this developing world. This study is a corpus-based research that employs Sketch Engine as the analysis tool and sources data from Arabic Sky News and Arabic BBC News for word collection. The

¹ Iqbal Hamdan, Arabic Language Unit, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Lily Hanefarezan Asbullah, Research Center of Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.

findings of this study reveal that the five most frequently used nouns are نظام, عام, ذكاء, شركة and مستخدم. Meanwhile, from the perspective of verbs, commonly used words include اعتقد, استخدم, أضاف, قال and بدأ.

Keywords: *technology, corpus, Sketch Engine, nouns, verbs.*

Pendahuluan

Penggunaan bahasa Arab sudah digunakan secara meluas pada abad-21 ini. Pada era moden ini, ramai orang bergantung pada teknologi dalam pencarian maklumat, penyebaran maklumat dan kemudahan. Maka laras penggunaan bahasa Arab dalam teknologi perlu difokuskan. Laras bahasa merupakan kepelbagaian bahasa berasaskan penggunaannya seperti bahasa istana, klasik dan bahasa sains (Kamus Dewan, 2012:872). Laras bahasa juga boleh membawa maksud gaya dan cara penggunaan suatu bahasa dalam suatu keadaan. Larasnya akansentiasa berubah mengikut fungsi dan keadaan yang akan mengambil berat berkenaan pilihan kata dan istilah berdasarkan disiplin dan bidang tertentu (Ab. Halim, 2008). Maka dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji laras bahasa Arab dalam teknologi dari sumber Arabic Skynews and Arabic BBC News.

Objektif

1. Membina laras bahasa arab dari kata nama,kata kerja teknologi menggunakan Sketch Engine dari Arabic Skynews dan Arabic BBC News.
2. Menganalisis 10 perkataan bahasa Arab makna leksikografi dalam laras teknologi dari sumber Arabic Skynews dan Arabic BBC News.

Skop Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji laras bahasa Arab teknologi yang digunakan dalam Arabic Skynews dan Arabic BBC News. Justifikasi pemilihan ialah teknologi merupakan perkara yang penting dan sehati dengan kehidupan masa kini. Justifikasi pemilihan Arabic Skynews dan Arabic BBC News ialah kerana keduanya merupakan antara sumber media yang besar dalam berita dunia Arab.

Metodologi Kajian


Berikut ialah Tatacara Dalam Pengumpulan Data:


1. Tentukan fokus objektif, tentukan Tarikh tertentu, kemudian membaca akhbar atas talian dan menyalinnya dalam words. Pengkaji telah memilih Arabic Skynews dan Arabic BBC News sebagai medan kajian dan fokus pada bulan 1-6 2023.

2. Memadam segala yang tidak berkaitan seperti tarikh, gambar dan nama pengarang.




3. Kemudian menyimpannya dalam bentuk plain text, dan secara automatik akan keluar tettingkap baru, pilih other encoding dan pilih Unicode UTF-8.








4. Ulang langkah ini sehingga terkumpul dokumen tersebut dalam jumlah yang dikehendaki.




5. Kemudian bilamana sudah capai jumlah tertentu maka boleh mula running dengan cara membuka software Sketch Engine dan tekan butang “new Corpus”.




6. Kemudian Isi maklumat berkaitan dan tekan butang next. Pilih ‘I have my own texts’.




7. Tarik semua file yang telah dikumpul tadi dalam ruangan ‘choose file or Drag it Here’.




8. Setelah letak file tersebut maka proses akan mula berjalan.




9. Bila dah siap proses, tekan select all dan tekan butang next pada paparan di bawahnya.




10. Apabila sudah tekan butang next maka paparan “compile” akan keluar, sila tekan butang compile tersebut.




11. Apabila telah “compiled”, kemudian sila tekan butang dashboard dan korpus anda siap untuk digunakan.



12. Anda boleh pilih senarai perkataan diruangan kiri, Ngrams dan sebagainya untuk melihat hasil.



13. Sebagai contoh anda memilih kata nama, dan anda boleh memuat turun di ruangan belah kanan atas.



14. Memilih perkataan yang paling kerap.
15. Menganalisa perkataan yang dipilih dengan melihat kepada kamus seperti alMaany online.
16. Menyemak semula data.

Dapatan Kajian

Analisis Laras Bahasa Dalam Bidang Teknologi

Dalam kajian ini, pengkaji telah guna Sektch Engine dan penumpulan data dari Arabic Skynews dan Arabic BBC News sebagai medan kajian serta menggunakan perisian Google Trasnlate dalam menterjemahkan bahasa arab ke melayu. Manakala nilai peratus pula menggunakan perisian percentage calculator. Kajian ini merupakan kajian yang kecil untuk melihat perkataan laras bahasa arab dari sudut teknologi. Pengkaji telah mengumpulkan sekitar 119516 perkataan dari 174 artikel atas talian. Kemudian hasil yang ditemui dibahagikan kepada beberapa pembahagian seperti berikut:

1. Peratusan Kekerapan Perkataan yang ditemui berdasarkan data mentah Sketch Engine.

6/8/23, 6:38 PM Wordlist



word (23,229 items | 119,516 total frequency)

Word	Frequency	Word	Frequency	Word	Frequency	Word	Frequency
1 التي	860	14 أنه	287	27 خلال	219	40 تشات	180
2 الاصطناعي	724	15 لكن	279	28 وقال	213	41 العمل	167
3 الذكاء	647	16 لم	276	29 جي	212	42 الولايات	162
4 ذلك	455	17 أكثر	275	30 قبل	208	43 هي	161
5 هذا	443	18 عام	266	31 هناك	207	44 كل	160
6 الذي	432	19 بشكل	261	32 العالم	206	45 تلك	159
7 مع	422	20 مثل	249	33 غير	206	46 توك	159
8 هذه	407	21 التكنولوجيا	247	34 إنه	205	47 الآن	157
9 شركة	346	22 المتحدة	243	35 بعض	203	48 إذا	156
10 قد	342	23 كما	243	36 أي	188	49 حتى	154
11 تويتر	327	24 هو	236	37 بين	186	50 ولكن	153
12 يمكن	318	25 الشركة	235	38 سي	182		
13 كان	298	26 كانت	229	39 يقول	182		

No	Leksikal	Maksud	Kekerapan	Peratus (%)
1	الاصطناعي	Tiruan	724	0.605
2	الذكاء	Kecerdasan	647	0.541
3	شركة	Syarikat	346	0.289
4	يمكن	Mungkin	318	0.266
5	التكنولوجيا	Teknologi	247	0.206
6	المتحدة	Bersatu	243	0.203
7	العالم	Dunia	206	0.172

8	العمل	Kerja	167	0.139
9	الولايات	Negeri-negeri	162	0.135
10	حتى	Sehingga	154	0.128

Dalam peratusan kekerapan perkataan ditemui, didapati bahawa perkataan الاصطناعي merupakan yang sering digunakan iaitu sebanyak 0.605 %, diikuti dengan الذكاء iaitu sebanyak 647 kali bersamaan 0.541. Hal ini jelas menunjukkan bahawa teknologi AI yang sering dibangunkan ketika ini menjadi perkataan yang sering digunakan ketika ini. Manakala perkataan seperti الولايات jarang digunakan dan menduduki tangga kedua paling akhir iaitu sebanyak 162 kekerapan bersamaan 0.135%.

2. Kekerapan Penggunaan Istilah dari aspek kata nama

6/8/23, 7:06 PM

Wordlist



noun (5,727 items | 59,924 total frequency)

Noun	Frequency	Noun	Frequency	Noun	Frequency	Noun	Frequency
1 شركة	975	14 وقت	247	27 بيان	205	40 إطلاق	175
2 ذكاء	784	15 رئيس	239	28 مستخدم	205	41 يوم	170
3 عمل	405	16 تطبيق	237	29 صورة	204	42 صين	169
4 عام	386	17 أيضا	232	30 نظام	203	43 دولار	168
5 بعد	367	18 عضو	230	31 كل	201	44 أن	167
6 تكنولوجيا	340	19 بين	227	32 ولاية	201	45 نفس	163
7 عالم	337	20 أمر	223	33 جهاز	195	46 وظيفة	162
8 استخدام	335	21 قبل	220	34 معلومة	194	47 روبوت	162
9 تويتر	327	22 شخص	218	35 قضاء	188	48 موظف	161
10 شكل	325	23 عملية	215	36 تنشآت	180	49 توك	159
11 مثل	268	24 عند	214	37 منصة	178	50 كثير	157
12 موقع	252	25 حساب	207	38 شيء	175		
13 غير	249	26 لدى	206	39 سبب	175		

No	Leksikal	Maksud	Kekerapan	Peratus(%)
1	شركة	Syarikat	975	0.815
2	ذكاء	Kecerdasan	784	0.655
3	عام	Umum	386	0.322
4	تكنولوجيا	Teknologi	340	0.284
5	عالم	Dunia	337	0.281
6	استخدام	Kegunaan	335	0.280
7	رئيس	Presiden	239	0.199
8	شخص	Orang	218	0.182
9	حساب	Akaun	207	0.173
10	مستخدم	Pengguna	205	0.171
11	نظام	Sistem	203	0.169

12	فضاء	Angkasa Lepas	188	0.157
13	منصة	Platform	178	0.148
14	إطلاق	Lepaskan	175	0.146
15	موظف	Pekerja	161	0.134

Dari aspek kata nama, perkataan seperti شركة, ذكاء, dan عام banyak digunakan dan mewaili masing-masing sebanyak 0.815%, 0.655% dan 0.322%. Manakala yang paling rendah ialah منصة, إطلاق, dan موظف iaitu sebanyak 0.14%, 0.146% dan 0.134%.

3. Kekerapan penggunaan istilah dari aspek kata kerja

6/8/23, 7:34 PM

Wordlist



verb

(1,241 items | 15,764 total frequency)

Verb	Frequency	Verb	Frequency	Verb	Frequency	Verb	Frequency	Verb	Frequency
1 كان	1,240	11 أشار	129	21 عرف	97	31 حدث	77	41 وري	60
2 قال	1,038	12 زال	129	22 استطاع	95	32 أراد	75	42 واجه	60
3 إن	513	13 ليس	127	23 وجب	93	33 تمكن	69	43 بلغ	59
4 أمكن	488	14 بدأ	126	24 أعلن	89	34 أطلق	69	44 توقع	59
5 تم	327	15 بدأ	126	25 عنى	85	35 قدم	65	45 حمل	59
6 أضاف	252	16 جعل	122	26 وصل	85	36 أثار	65	46 علم	59
7 استخدم	179	17 وجد	121	27 طلب	84	37 مثل	64	47 اعتمد	59
8 أصبح	163	18 قام	120	28 أظهر	83	38 تحدث	63	48 وصف	58
9 عمل	162	19 أدى	101	29 شعر	83	39 ذكر	63	49 بحث	56
10 اعتقد	146	20 عاد	97	30 ساعد	82	40 اعتبر	62	50 أنتج	54

No	Leksikal	Maksud	Kekerapan	Peratus(%)
1	قال	Dia berkata	1038	0.868
2	أمكن	Mungkin	488	0.408
3	أضاف	Dia menambah	252	0.210
4	استخدم	Guna	179	0.149
5	اعتقد	Saya percaya	146	0.122
6	أشار	Menunjukkan	129	0.107
7	بدأ	Mula	126	0.105
8	أدى	Memimpin	101	0.084
9	استطاع	Boleh	95	0.079
10	أثار	Memberi kesan	65	0.054
11	تحدث	Untuk bercakap	63	0.052
12	توقع	Jangkaan	59	0.049
13	اعتمد	Bergantung	59	0.049
14	وصف	Hurai	58	0.048
15	بحث	Selidik	56	0.046

Kata kerja yang sering digunakan oleh kedua laman sesawang ini iaitu Arabic Skynews dan Arabic BBC News ialah *قال*, *أمكن*, *أضاف* bersamaan 0.868%, 0.408% dan 0.210%. Mankala perkataan yang kurang digunakan ialah *اعتمد*, *وصف*, dan *بحث* iaitu sebanyak 59,58 dan 56 kali kekerapan bersamaan 0.049, 0.048 dan 0.046.

Perbincangan

Analisis makna leksikografi

1. *شركة* (al-Maany Likulli Ism Ma'na,2023) bermaksud syarikat yang diambil dari kata dasar *شَرَك*, perkataan ini telah digunakan sebanyak 975 dalam teks kajian ia mewakili 0.815% kata istilah dalam kata nama yang dikaji. Dalam kamus Online Lisa:n Al-'Arab menyatakan bahawa ia boleh membawa maksud perkongsian atau penyertaan seperti kata penyair 'Imanuddin al-Asbahani

شارك المشركين بغيا وقدماء.....شاركتها قريظة و النصير

Dalam al-Quran terdapat perkataan *أشركوا* dalam ayat membawa maksud kafir musyrik (Abdullah Basmeih,2022) yang berasal dari kata terbitan *أشرك*

ولتجدنهم أحرص الناس على حياة ومن الذين أشركوا

Yang bermaksud “ Demi sesungguhnya engkau wahai (Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak menusia kepada hidup melebihi loba orang-orang kafir musyrik”

Namun dari aspek teknologi, konkordans yang biasa digunakan dalam tiga bentuk, digabungkan dengan kata kerja “قالت شركة البرمجيات الأمريكية” bermaksud syarikat program Amerika telah berkata , atau kata nama “شركة صينية باثبات عدم” bermaksud Syarikat cina telah menetapkan akan ketidaktidgunaan kamera.

2. *ذكاء* (al-Maany Likulli Ism Ma'na,2023) bermaksud kecerdasan dan merupakan kata terbitan dari *ذكى* , perkataan ini telah digunakan sebanyak 784 kali mewakili 0.655% kata istilah kata nama dalam kajian ini. Namun sekiranya dibaca dengan baris depan pada huruf *ذ* makai *a* akan membawa maksud matahari dalam Mu'jam al-Wasith. *ذكى* juga mempunyai kebhinekaan maksud yang lain sekirang mengubah bentuk asal kepada bentuk yang lain seperti “ذكى الحرب” bermaksud menyala dan *ذكى الشاة* bermaksud menyembelih sepertimana firman dalam al-Quran dalam surah al-Ma'idah “وما أكل السبع إلا ما ذكيتهم” bererti dan yang mati dimakan Binatang buah, kecuali yang sempat kamu sembelih” (Abdullah Basmeih,2022). Sekiranya menggunakan bentuk *أذكى* , maksudnya juga akan berbeza seperti *أذكى الحرب* akan membawa maksud memimpin dan *أذكى عليهم العيون* pula membawa maksud mengutus atau menghantar.

Kembali dari aspek teknologi, konkordans perkataan *ذكاء* boleh digabungkan dengan kata nama dan menggunakan kata kerja seperti “يستخدم” seperti “يمكن” bermaksud boleh menggunakan kecerdasan buatan dalam pembinaan bahasa program.

3. *عام* (al-Maany Likulli Ism Ma'na,2023) membawa dua maksud iaitu “lalu” dalam bentuk kata kerja dan “umum atau tahun” dalam bentuk kata nama dan hanya

dibezakan melalui baris, sekiranya mim dibaca baris depan maka akan jadi tahun dan sekiranya dibaca baris atas akan jadi maksud lalu. Dalam kata nama, bentuk عام merupakan bentuk tunggal dari أعوام atau عامات, perkataan ini telah digunakan sebanyak 386 kali dan sebanyak 0.322% dalam keseluruhan perkataan korpus. Penggunaan عام membawa maksud tertentu bergantung kepada konteks ayat. Contoh "عام الحزن" membawa maksud kesedihan, "الرأي العام" bermaksud pandangan umum dan "عام الفرس" bermaksud telah berlalu kuda itu.

Merujuk kepada korpus yang telah dibina, perkataan عام yang sering terbina seperti "استمر في الزيادة على مدار الثلاثين علم الماضية" telah terus bertambah sekitar 30 tahun yang lepas". Selain itu, ia juga boleh kolokasi dengan أو seperti "في عمر ٥٠ عاماً أو أقل" atau "pada tahun 50 atau kurang"

4. مستخدم (al-Maany Likulli Ism Ma'na, 2023) bermaksud pengguna. Perkataan ini telah digunakan sebanyak 205 kali dan mewakili 0.171% dalam keseluruhan konteks kajian. Asal usul perkataan ini berasal dari خدم dan derivasinya مستخدم dari استخدم. Namun ia juga boleh membawa maksud menolong seperti "خدم جاره" bererti membantu. Namun sekiranya diderivasi ke خادم ia membawa maksud pembantu. Namun begitu, kata pinjaman dalam bahasa melayu telah memberi gambaran yang sebaliknya, "khadam" menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka ialah hamba, orang suruhan dan pelayan.

Selain itu, dalam konkordans teknologi yang sering digunakan ayat ialah تشير "menunjukkan keputusan bahawa pengguna aktif" atau "pengguna teknologi mampu gunakan teknologi tersebut".

5. نظام (al-Maany Likulli Ism Ma'na, 2023) ialah sistem yang berakar dari perkataan نَظَّمَ bererti Menyusun. Perkataan ini telah digunakan sebanyak 203 kali dan sebanyak 0.169% dalam jumlah keseluruhan. Maksud perkataan ini juga bergantung pada konteks ayat, sebagai contoh "نَظَّمَ أموره" bererti Menyusun, "نَظَّمَ المدرسة رحلة" membawa maksud merancang dan "نَظَّمَ الدجاجة" pula bermaksud berisi perutnya dengan telur. Selain itu sekiranya guna dalam bentuk إنتظَم seperti dalam ayat غنَّظَم الصيِّد pula bermaksud merejam atau memburu dengan lembing. Selain itu, التَّظْمُ dalam bentuk kata nama boleh membawa maksud sesuatu kata-kata yang ada timbangan dan berirama, iaitu bertentangan dengan prosa.

Merujuk kepada korpus yang dibina, perkataan نظام yang digunakan seperti "يعمل النظام حالياً على ثلاثة محاصيل" menggunakan sistem Sekaran untuk 3 produksi" atau "الحفاظ على النظام الأساسي" penjagaan dalam sistem asasi".

6. قال (al-Maany Likulli Ism Ma'na, 2023) bermaksud telah berkata. Perkataan ini telah digunakan sebanyak 1038 kali dalam korpus ini mewakili sebanyak 0.868%. قال merupakan kata kerja yang berasal dari قَوْلٌ dan ditukarkan kepada قال untuk menyesuaikan vocal baris sebelumnya iaitu atas kerana adanya huruf vokal و yang tidak selari dengan baris atas sebelumnya. (Syaaban Silah, 1982). Ia juga boleh menjadi maksud mengajar sekiranya dibaca dengan قال قَوْلُهُ شعراً. قال juga boleh bermaksud bersabda seperti قال النبي dan tidur seperti قال الشخص. Dalam al-Quran, ia akan memberi maksud berfirman sebagaimana dalam ayat "وإذ قال"

"ربك للملائكة", berarti "Dan ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat" (Abdullah Basmeih, 2022)

Konkordans pada penggunaan قال banyak digandingkan dengan kata nama seperti yang terdapat dalam korpus seperti قالت سرية "telah berkata syarikat itu" atau ويقول الباحث إن استخدام التكنولوجيا "berkata pengkaji itu bahawa penggunaan teknologi". Dapat dilihat selepas perkataan ini akan dituruti dengan kata nama.

7. أضاف (al-Maany Likulli Ism Ma'na, 2023) bermaksud dia menambah. Ia terdapat sebanyak 252 kali dan menunjukkan sebanyak 0.210% dalam bentuk peratusan. أضاف merupakan perkataan yang berasal dari ضاف. Perkataan ini juga akan memberi maksud yang berbeza mengikut konteks dalam ayat seperti أضافه على جاره membawa maksud mengunjunginya sebagai tetamu, أضافه الشيء إليه berarti menggabungkannya, أضاف الشيء على النص memberi erti menambah, أضاف منه menerangkan erti waspada, dan أضاف عليه memberi makna memuliakan.

Merujuk kepada korpus sedia ada, konkordans bagi perkataan أضاف sering digabungkan dengan kata nama seperti أضاف المنصة الصينية "telah menambah platform China" atau أضاف الملياردير في تويتر "telah berkata jutawan itu di Twitter". Oleh itu, perkataan ini juga sering digabungkan dengan kata nama sesudahnya.

8. استخدم (al-Maany Likulli Ism Ma'na, 2023) bererti guna. Perkataan ini terdapat sebanyak 179 kali dan 0.149% dalam kajian ini. استخدم berakar dari perkataan خدم dan ditambah dengan imbuhan است pada awal ayat untuk menunjukkan makna penuntutan dalam sesuatu perkataan (Norsiah, 2017). Perkataan ini juga akan berubah maknanya mengikut pada bentuk ayat seperti استخدمها في بيته, bermaksud mengambilnya untuk dijadikan sebagai pembantu dan استخدم آلة memberi maksud menggunakan alat tersebut.

Konkordans استخدم yang terdapat dalam korpus ini ialah إنه استخدم الصورة لاختبار المسابقة "sesungguhnya dia telah menggunakan gambar untuk menguji pertandingan" dan قد استخدم هذا النظام "sesungguhnya telah menggunakan sistem ini". Sekiranya dilihat ia sering dikaitkan dengan kata nama sesudah perkataan ini.

9. اعتقد (al-Maany Likulli Ism Ma'na, 2023) bermakna percaya. Hasil kajian mendapati sebanyak 146 kali dan 0.122% perkataan ini digunakan dalam data yang terkumpul. اعتقد berakar dari perkataan عقد dan memberi beberapa maksud yang tergantung dalam konteks ayat yang digunakan seperti اعتقد اللسان berarti menahan, اعتقد الكلام, berarti samar, dan اعتقد berarti perjanjian. Manakala اعتقد juga turut memberi makna yang berbeza menurut bentuk ayat yang digunakan seperti اعتقد الحزام membawa maksud mengetatkan, اعتقد التراب berarti mengeraskan, dan اعتقد المال membawa makna mengumpulkan.

Dari segi konkordans laras teknologi, perkataan اعتقد sering digandingkan dengan kata nama seperti واع مثل البشر "sesungguhnya kecerdasan buatan mempunyai kesedaran seperti manusia".

10. بدأ (al-Maany Likulli Ism Ma'na, 2023) membawa erti mula. Ia dianggarkan sekitar 126 kali dengan 0.105% kadar penggunaan perkataan tersebut dalam koleksi data. Perkataan ini memberi makna mula seperti بدأ يكتب bermaksud dia

telah mula menulis sabagaimana dalam al-Quran turut membawa makna yang sama seperti "يبدأ الخلق" dalam Surah Yunus bermaksud "dialah yang memulakan kejadian" (Abdullah Basmeih, 2022). Ia juga turut membawa maksud menciptakan dan menghasilkan seperti "بدأ الأمر" memberi maksud telah menciptakan sesuatu. Ini juga jelas diterangkan dalam al-Quran Surah al-Buruj, "إنه هو يبدئ و يعيد" membawa maksud "sesungguhnya DIA lah yang telah menciptakan dan mengembalikannya" (Abdullah Basmeih, 2022)

Dari segi konkordans laras bahasa tekonologi, perkataan ini sering disertakan dengan kata nama seperti "بدأ أشخاص في انتحال صفة" "telah bermula individu tersebut dalam meniru perangai" atau "بدأ فريقهم في تطوير طريقة لتجميع بروتينات" "telah mula kumpulan mereka dalam membangunkan cara untuk mengumpulkan protein".

Kesimpulan

Hasil dari kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa perkataan yang sering digunakan dalam laras bahasa Teknologi yang dipilih dari web Arabic Skynews dan Arabic BBC News. Lima kata nama yang sering digunakan ialah *شركة*, *ذكاء*, *عام*, *نظام*, dan *مستخدم*. Manakala dari aspek kata kerja pula perkataan seperti *قال*, *أضاف*, *استخدم*, *اعتقد*, dan *بدأ* sering digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa perkataan ini memberikan titik yang penting untuk diingati bagi tujuan penggunaan perkataan dalam bahasa Arab bagi menambahkan lagi kosa kata bahasa Arab. Namun begitu kajian ini hanya fokus laras bahasa dari aspek teknologi dan dari sumber Arabic Skynews dan Arabic BBC News sahaja. Kajian lain seperti penggunaan korpus dari sumber lain dan laras bahasa yang lain juga dicadangkan untuk dikaji agar kajian dalam aspek laras bahasa terus berkembang bagi menunjukkan kepentingannya dalam pembelajaran bahasa Arab.

Rujukan

1. Ab Halim Mohamad. 2008. *Kepelbagaian Laras Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
2. Abdullah Basmeih. 2022. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Edisi Baru*. JAKIM & Rimbunan Islamik Media.
3. Al-Maany Likulli Ism Ma'na. 2023. Retrieved June 9, 2023, from www.almaany.com.
4. Google Translate. 2023. Retrieved June 9, 2023, from www.translate.google.com.my.
5. Norsiah. 2017. *Dirosah 'an qudroti al-Tulab al-Mustawa al-Robi' al-Marhalah 2015-2016 biqism tadrīs al-Lughatul al-Arabiah bijamiah al-Muhammadiyah Makassar 'ala istikhdam tasrif al-'Af'al al-Thulathi al-Mazid*. Jamiah al-Muhammadiyah Makassar.
6. Percentage Calculator. 2023. Retrieved June 9, 2023, from www.percentagecalculator.net.
7. Syaaban Silah. 1982. *Taasrif al-Af'al*. Jamiatul al-Qaherah